

18 FEB 1999

Mahathir-Pilihan raya

MAHATHIR DIJANGKA MENANG PILIHAN RAYA, KATA JOMO

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 18 Feb (Bernama) -- Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menang mudah dalam pilihan raya umum Malaysia yang akan datang kerana "persepsi bahawa beliau telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara," kata seorang profesor Universiti Malaya, Jomo Kwame Sundaram.

Jomo, seorang profesor ekonomi analitis dan pengarang, memberitahu akhbar "The Australian" di Sydney bahawa masyarakat kelas menengah Malaysia memuji Dr Mahathir kerana meletakkan mereka pada kedudukan tersebut.

Beliau berkata bagi generasi yang lebih tua terutama golongan Cina Malaysia, terdapat persepsi kuat bahawa Dr Mahathir sudah melindungi Malaysia daripada keadaan huru-hara dan ketidakstabilan seperti yang berlaku di Indonesia.

Bagaimanapun, faktor terpenting mengapa Dr Mahathir akan menang dalam pilihan raya akan datang adalah kerana sebagai penyandang, beliau mempunyai banyak sumber-sumber yang boleh digunakan, kata Jomo.

Terdahulu, Jomo memberitahu satu taklimat anjuran Institut Kajian Bagi Asia dan Pasifik, Universiti Sydney, bahawa terdapat "kemungkinan yang sebenar bahawa pilihan raya diadakan pada awal Mei".

Jomo berkata faktor penting adalah pilihan raya di Sabah, yang mesti dijalankan tidak lewat daripada 16 Mei, dan pilihan raya umum mungkin diadakan serentak dengan pilihan raya negeri.

Tempoh Dewan Undangan Negeri Sabah berakhir 18 Mac dan mengikut undang-undang, pilihan raya perlu diadakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh itu.

Jomo berkata dengan pemulihan ekonomi yang tidak pasti, Dr Mahathir boleh memilih mengadakan pilihan raya lebih awal daripada menunggu di saat akhir tempoh pada pertengahan tahun 2000.

-- BERNAMA

NDC LAT